

# Ternakan lembu PFN diteruskan

KUALA LUMPUR: Projek ternakan lembu daging Pusat Fidlot Nasional (PFN) akan diteruskan dengan kerajaan bakal membuka tender baru atau mempelawa mana-mana syarikat yang berminat untuk mengambil alih projek berkenaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mahu projek itu diteruskan dan buat masa ini, pihaknya sudah memulakan langkah awal dengan melantik juruaudit bebas.

“Untuk memastikan projek ini diteruskan, kita sudah melantik juruaudit bebas. Sekarang, kita dalam proses untuk mengeluarkan tender.

“Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, akan membuat pengumuman dalam masa terdekat mengenai langkah pelaksanaannya,” katanya ketika dihubungi di Parlimen, semalam.

Terdahulu ketika sesi penggulungan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong peringkat kementerian itu, Noh berkata, pihaknya serius untuk meneruskan projek berkenaan dan memastikan ia berjalan dengan berkesan.

“Sebab itu kita lantik juruaudit bebas kerana kita serius. Namun untuk suruh saya semak akaun syarikat, ia di luar bidang kuasa saya, biar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang siasat,” katanya.

PFN diurus National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan dan bertanggungjawab membangunkan industri daging lembu negara secara terancang serta bersepadu.

Untuk memastikan projek ini diteruskan, kita sudah lantik juruaudit bebas

**Noh Omar**

Menteri Pertanian

dan Industri Asas Tani